

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19 / 08 / 2007

UM - 19/8/2007

PM yakin kebolehan generasi muda

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

PULAU PINANG 18 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin generasi muda pasca 50 tahun kemerdekaan mampu mengambil alih pemerintahan negara dan memacu Malaysia menjadi negara yang lebih maju dan gemilang.

Perdana Menteri berkata, ini berdasarkan kepada kebolehan dan ilmu pengetahuan yang mereka miliki adalah lebih baik berbanding generasi sebelum merdeka.

"Saya yakin dengan keupayaan yang mereka miliki melebihi generasi dulu, maka dengan kebolehan ini, insya-Allah anak muda hari ini akan menggegarkan tanah air.

"Anda boleh lakukan perubahan," tegas Perdana Menteri semasa berucap pada majlis penutup *Gegar U!* *Warna-Warna Malaysiaku Suatu Lambang Perpaduan* anjuran Yayasan Budi Penyayang (Penyayang) dan Kementerian Pengajian Tinggi, di sini malam ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Maximus Ongkili; Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Penyayang, Datuk

Saya yakin dengan keupayaan yang mereka miliki melebihi generasi dulu, maka dengan kebolehan ini, Insya-Allah anak muda hari ini akan menggegarkan tanah air

Leela Mohd. Ali.

Kira-kira 5,000 mahasiswa dan mahasiswi dari institusi pengajian tinggi tempatan di seluruh negara terlibat dengan projek *Gegar U!* itu.

Pada majlis tersebut, Abdullah menerima simbol sejuta mesej perpaduan dalam bentuk cakera padat daripada 14 siswa dan siswi yang mewakili warga muda negara.

Abdullah turut menerima Projek Komuniti Mega Kampung Perlis, Balik Pulau di sini daripada Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak yang kemudiannya menyampaikan projek berkenaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pulau Betong Muhammad Farid Saad.

Selain itu, bagi meraikan semangat perpaduan sempena program tersebut, Abdullah turut dipakaikan gelang tangan perpaduan yang diserahkan oleh Maximus Ongkili.

Abdullah seterusnya berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memperkasakan anak muda

melalui kemudahan memperoleh ilmu pengetahuan di semua peringkat termasuk tempatan dan antarabangsa.

"Bukan mudah untuk sediakan semua itu tetapi golongan muda hari ini berjaya membuktikan keupayaan mereka dengan menterjemahkannya melalui semangat mahu mengisi kemerdekaan negara," kata beliau.

Sehubungan itu, beliau mahu semangat perpaduan dan muafakat anak muda terus diperkukuhkan kerana kejayaan sudah dapat dilihat.

Perdana Menteri kemudian turut menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang program-program anjuran Penyayang iaitu Perpaduan Melalui Muzik (Universiti Malaysia Sabah), Gambar-Gambar Perpaduan (Universiti Utara Malaysia) dan Papan Perpaduan (Universiti Malaysia Terengganu).

PARA siswa universiti mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis pelancaran program *Gegar U!* di Pulau Pinang, malam tadi.

